

R
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACM - 3355
INV. 31/1/2001

ALIRAN-ALIRAN KEPERCAYAAN DI MALAYSIA: KAJIAN KHUSUS TERHADAP AJARAN QADIANI

SITI RAMLAH BINTI IBRAHIM

**BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1999**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510033162

UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

Dimikrofiksas pada... 11.03.02.

No. Mikrofis... 15204

Jumlah Mikrofis... 4

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI

ALIRAN-ALIRAN KEPERCAYAAN DI MALAYSIA :
KAJIAN KHUSUS TERHADAP AJARAN QADIANI

SITI RAMLAH BINTI IBRAHIM

DISERTASI UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA USULUDDIN
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1999

BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

ALIRAN-ALIRAN KEPERCAYAAN DI MALAYSIA :
KAJIAN KHUSUS TERHADAP AJARAN QADIANI

SITI RAMLAH BINTI IBRAHIM

Disertasi ini diterima oleh Bahagian Pengajian Usuluddin bagi
memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Usuluddin.



PENYELIA
DR. JOHARI BIN MAT

29-4-2000

TARIKH

ABSTRAK

SITI RAMLAH IBRAHIM. Aliran-aliran Kepercayaan Di Malaysia; Kajian Khusus Terhadap Ajaran Qadiani. Disertasi, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 1999.

Kajian ini bertujuan menjelaskan tentang aliran-aliran kepercayaan yang terdapat di Malaysia dengan memberi penumpuan kepada ajaran Qadiani. Perbincangan merangkumi perkembangan ajaran Qadiani di Malaysia serta perkara-perkara pokok yang yang mendasari ajaran tersebut. Seterusnya menganalisa ajaran ini dari perspektif Islam bagi membuktikan kesahihannya.

Pendekatan kajian ini berbentuk sejarah, aliran pemikiran dan penjelasan serta perbandingan. Ianya melibatkan metod pengumpulan data merangkumi kajian perpustakaan dan kajian lapangan juga metod analisa data.

Kajian ini dimulakan dengan bab pendahuluan, disusuli lima bab berikutnya meliputi; (Bab 1) Huraian tentang latarbelakang masalah merangkumi Malaysia, sejarah kemasukan Islam di Malaysia dan perkembangannya, serta bentuk-bentuk aliran kepercayaan yang terdapat di Malaysia. (Bab 2); Sejarah penubuhan Qadiani serta latarbelakang

pengasas, perkembangan ajaran Qadiani di Malaysia dengan mengambil beberapa negeri sebagai contoh serta mengemukakan faktor-faktor ajaran ini diterima di Malaysia. (Bab 3); Memperincikan perkara-perkara pokok yang mendasari ajaran Qadiani sebagaimana yang diperkenalkan oleh pengasasnya. (Bab 4); Analisa terhadap ajaran Qadiani dari perspektif Islam bagi memastikan kedudukan ajaran tersebut. (Bab 5); Kesimpulan dan saranan.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, penulis merumuskan beberapa perkara iaitu; aliran kerpercayaan yang terdapat di Malaysia terbahagi kepada dua bentuk. Pertama, aliran kepercayaan yang diakui kebenarannya serta menjadi pegangan majoriti umat Islam iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kedua, aliran-aliran kepercayaan yang telah dikategorikan menyeleweng dari landasan Islam oleh pihak berkuasa agama.

Kajian ini juga membuktikan bahawa ajaran Qadiani masih bergerak cergas di Malaysia tanpa pengawasan tegas dari pihak bertanggungjawab. Perkara pokok dalam ajaran Qadiani adalah bercanggah dengan iktikad dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Perkembangannya perlu dikawal kerana ajaran Qadiani boleh mengancam keselamatan negara serta keharmonian beragama di Malaysia.

ABSTRACT

SITI RAMLAH IBRAHIM. The Streams Of Beliefs in Malaysia; Specific Study On The Qadiani Teachings. Dissertation, Kuala Lumpur, University Of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 1999.

This study aims to explain the streams of beliefs in Malaysia with special emphasis on the Qadiani teachings in Malaysia as well as the main issues that underline the said teachings. Subsequently to analyse the teachings from the perspective of Islam to prove its validity.

The approach to this study is in the form of history, the way of thinking and explanation as well as comparison. It involves the data compilation methods, covers library study and field study as well as the data analysis method.

This study begins with an introductory chapter, followed by five chapters covering; (Chapter 1) Explanation of the background of problems in Malaysia, the history of the coming of Islam into Malaysia and its expansion, as well as the types of the streams of beliefs found in Malaysia.

(Chapter 2); The history of the forming of Qadiani as well as the founder's background, the expansion of Qadiani teachings in Malaysia by taking a few states as examples as well as providing the factors the said teachings is accepted in Malaysia. (Chapter 3); To detail the main issues underlying the Qadiani teachings as it was introduced by its founder. (Chapter 4); Analysis of the Qadiani teachings from the perspective of Islam to ensure the status of the said teachings. (Chapter 5); Conclusion and suggestions.

Based on the study conducted, the writer concludes on a few issues, that is; the streams of beliefs in Malaysia can be divided into two. First, the stream of belief the truth of which is admitted as well as being the belief of a majority of the Muslims that is "Ahli Sunnah Wal Jamaah". Secondly, the streams of beliefs categorised as diverting from the teachings of Islam by the religious authorities.

This study also proves that the Qadiani teachings is still moving rapidly in Malaysia without strict control from those responsible. The main issue in the Qadiani teachings is contradictory to the "ikhtikad" and practice of the "Ahli Sunnah Wal Jamaah". Its development must be controlled as the Qadiani teachings can affects the nation's security as well as the religious harmony in Malaysia.

PENGHARGAAN

Alhamdulilah, segala puji-pujian milik Allah s.w.t, Tuhan Pencipta Alam. Selawat serta salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w, keluarga baginda, para sahabat dan tabi'-tabi'in juga buat golongan mukmin.

Setinggi-tinggi kesyukuran penulis panjatkan ke hadrat Ilahi kerana telah mengurniakan keizinan dan inayahNya kepada penulis sehingga disertasi ini dapat disiapkan. Disertasi bertajuk "Aliran-Aliran Kepercayaan Di Malaysia; Kajian Khusus Terhadap Ajaran Qadiani", tidak mungkin dapat disiapkan tanpa bantuan dan kerjasama daripada beberapa pihak tertentu. Justeru setinggi-tinggi penghargaan serta terimakasih kepada pihak-pihak yang terbabit (secara langsung dan tidak langsung) dalam menjayakan penulisan disertasi ini sama ada sumbangsan dalam bentuk teguran, nasihat, bimbingan, bahan rujukan, kewangan dan sebagainya.

Diruangan ini, penulis ingin mengucapkan jutaan terimakasih dan penghargaan, pertama-tamanya kepada yang dihormati Dr. Johari bin Mat, selaku penyelia disertasi ini di atas segala pertolongan, tunjuk ajar, bimbingan, galakan serta apa juga bantuan kepada penulis dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membala jasa beliau.

Terimakasih juga ditujukan kepada Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya terutama kepada Ketua Jabatan dan kakitangan Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam kerana memberi kemudahan-kemudahan serta bimbingan sehingga penulisan disertasi ini dapat dilakukan dengan selesa dan lancar.

Penulis juga ingin mengucapkan terimakasih kepada responden-responden yang terlibat secara langsung bagi menjayakan disertasi ini. Mereka terdiri daripada ahli-ahli Jemaat Ahmadiyah Malaysia iaitu Encik Abd. Basit Abd. Wahid, Encik Abd. Satar Rauf, Encik Ungku Adnan Ungku Ismail, Pakcik Muhammad Zain Hj. Hassan, Encik Noh Hansen, Cikgu Abd. Rahim Hj. Bahauddin, Puan Radhiah Muhammad Zain, Encik Ainol Yakin Muhammad Zain dan Encik Faizal Ahmad yang telah banyak membantu penulis mendapatkan maklumat tentang pergerakan Qadiani di Malaysia. Juga kepada pihak-pihak berkuasa seperti Ustazah Noriah Ismail, Ustaz Rasol Taib dan Ustaz Abd. Latip Ibrahim dari JAKIM, Ustaz Nordin Bayadi dan Ustaz Abd. Malek Ramli dari JAIS, Ustazah Nafisah Abdullah dan Ustaz Saidin Ibrahim dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah, Ustaz Hj. Muhammad Noor Kasah dari MAIS serta Inspektor Ibrahim Idris dari Cawangan Khas, Ibu Pejabat Kontingen, Alor Star, Kedah yang telah membantu penulis memberikan maklumat berkaitan penulisan ilmiah ini.

Penghargaan khas penulis rakamkan buat suami tercinta, Zulkarnain Abu Hassan yang telah banyak membantu penulis dalam menghadapi segala masalah, disamping sentiasa memberi dorongan, semangat dan doa terutama ketika diuji dengan kehilangan anakanda tercinta, serta turut menyumbang tenaga dalam usaha menyiapkan dan memperkemaskan lagi disertasi ini. Segala pengorbanan dan dorongan yang diberikan akan penulis kenang ke akhir hayat. Penghargaan ini juga ditujukan kepada ibu yang dikasihi, kakak Noraini dan adik Ayub yang sering memberi perangsang, dorongan juga mendoakan kejayaan penulis. Tidak lupa kepada Kak Rafeah, Mariam, teman-teman bilik Transit Pengajar, ahli rumah Syaima' juga teman-teman yang turut membantu dari sudut material dan spiritual.

Tidak ketinggalan ucapan terimakasih kepada kakitangan-kakitangan di Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Islam, Nilam Puri, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia atas khidmat baik yang telah diberikan.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada seluruh individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung disepanjang kajian ia dijalankan. Semoga semua diberikan pembalasan sewajarnya oleh Allah s.w.t.

Akhir kata, kemaafan dipohon di atas segala kelemahan di dalam disertasi ini. Mudah-mudahan disertasi ini memberikan manfaat kepada Islam dan penganutnya. Amin.

KAEADAH TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan di dalam disertasi ini berdasarkan sistem ejaan baru bahasa Malaysia. Manakala perkataan-perkataan Arab dieja berdasarkan kepada sistem transliterasi¹ seperti berikut:

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	s
ض	d
ط	t
ظ	z
ع	.
غ	gh

¹ Dewan Bahasa Dan Pustaka, *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*, 1992, cet. 2, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa Dan Pustaka.

ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه ^{4,5}	h
ء	,
ي	y
ة	t

2. Vokal

i. Pendek

أ a

ii. Panjang

أ ā

iii. Diftong

أي ay

إ i

ي ī

او aw

ء u

و ū

Kaedah transliterasi tidak digunakan bagi perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan, iaitu dengan merujuk kepada penggunaan perkataan tersebut berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga.²

² Noresah Baharom, (ed.), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1997, cet. 3, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Manakala terjemahan ayat-ayat al-Quran di dalam disertasi ini berpandukan terjemahan Syeikh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran, 1996, cet. 13, Kuala Lumpur; Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

SENARAI KEPENDEKAN

a.s	: <i>'Alaihis Salam</i>
Abd.	: Abdul
Anj.	: Anjuran
ASWJ	: Ahli Sunnah Wal Jamaah
BAHEIS	: Bahagian Hal Ehwal Islam
Bil.	: Bilangan
C	: <i>Celcius</i>
Cet.	: Cetakan
Dr./Drs.	: Doktor/ Doktorandus
ed.	: Editor
H	: Hijrah
hlm.	: Halaman
hb.	: Haribulan
Hj.	: Haji
Ibid	: (Latin : <i>Ibidem</i>) pada tempat, kitab, fasal atau halaman yang sama
JPM	: Jabatan Perdana Menteri
JAKIM	: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Jil.	: Jiliid
Juz.	: Juzuk
Ltd.	: <i>Limited</i>
M	: Masihi
MCA	: <i>Malayan Chinese Association</i>
MIC	: <i>Malayan Indian Congress</i>
no.	: Nombor

op.cit.	: (Latin : <i>opere citato</i>) dalam rujukan yang telah diterangkan
PAS	: Parti Islam Se Malaysia
Pen.	: Penulis
PKMM	: Parti Kebangsaan Melayu Malaya
Prof.	: Profesor
r.a.	: Rađiallāhu 'Anhu/ Rađiallāhu 'Anhum
s.a.w.	: Ṣallallāhu 'Alaihi Wa Sallam
Sdn. Bhd.	: Sendirian Berhad
s.w.t.	: Subḥānahu Wa Ta'ālā
t.c.	: Tanpa Cetakan
terj.	: Terjemahan
t.k.	: Tanpa Kota
t.p.	: Tanpa Penerbit
t.t.	: Tanpa Tahun
UMNO	: <i>United Malays National Organisation</i>
Vol.	: <i>Volume</i>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Senarai Ajaran Sesat Di Malaysia

Lampiran B : Pemimpin Jemaat Ahmadiyah

Lampiran C : Program Jalsah Salanah Anjuran Jemaat Ahmadiyah Malaysia

Lampiran D : Borang Baiat

Lampiran E : Borang Wasiat Untuk Ahli Jemaat Ahmadiyah Malaysia

Lampiran F : Contoh Wasiyyat Certificate Untuk Pengurusan Pengkebumian
Di Bahesti Maqbarah.

Lampiran G : Surat Saman Kepada Cikgu Abdul Rahim Bin Haji Bahauddin
Dari Mahkamah Kadi Besar Jitra

Lampiran H : Surat Dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah
Untuk Puan Cik Fatimah @ Cik Lat Bte Saleh, Isteri Cikgu
Abdul Rahim Bin Haji Bahauddin

Lampiran I : Surat Saman Kepada Mohammad Zain Bin Haji Hassan Dari
Mahkamah Kadi Besar Wilayah Persekutuan.

Lampiran J : Fatwa Resmi Yang Diputuskan Oleh Majlis Raja-Raja Mengenai
Qadiani

Lampiran K : Baitussalam, Pusat Gerakan Jemaat Ahmadiyah Malaysia

Lampiran L : Keratan Akhbar

DAFTAR ISI**HALAMAN**

HALAMAN TAJUK

HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA

DEDIKASI

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
KAEDAH TRANSLITERASI	ix
SENARAI KEPENDEKAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
DAFTAR ISI	xv
BAB PENDAHULUAN	xix

BAB 1**LATARBELAKANG MASALAH**

Pendahuluan	1
A. Malaysia	1
1. Malaysia Hari Ini	1
2. Malaysia Sebelum Merdeka	4
B. Islam Di Malaysia	7
1. Teori Dan Tarikh Kedatangan Islam Di Malaysia	7
2. Perkembangan Islam Di Malaysia	15

C. Aliran-Aliran Kepercayaan Di Malaysia	20
1. Aliran Kepercayaan Ahli Sunnah Wal Jamaah	21
2. Aliran-Aliran Kepercayaan Yang Menyeleweng Dari Islam	33
Kesimpulan	43

BAB 2

LATARBELAKANG PERKEMBANGAN AJARAN QADIANI

Pendahuluan	45
A. Pengenalan Qadiani	46
1. Sejarah Kemunculan Aliran Kepercayaan Qadiani	46
2. Riwayat Hidup Pengasas Ajaran Qadiani	48
3. Sejarah Penubuhan Jemaat Ahmadiyah	55
4. Qadiani Berpecah Dua	60
B. Perkembangan Qadiani Di Malaysia	63
Pendahuluan	63
1. Sejarah Awal Kemasukan Qadiani di Malaysia	63
2. Baitussalam Sebagai Pusat Gerakan Qadiani	68
3. Konsep Dan Pendekatan Qadiani	89
4. Kajian Kes	94
5. Qadiani Di Sabah	105
6. Faktor-faktor Qadiani Diterima Di Malaysia	111
Kesimpulan	114

BAB 3**PENGENALAN TENTANG AJARAN QADIANI**

Pendahuluan	116
A. Teras Akidah Dalam Ajaran Qadiani	117
1. Syarat-syarat Baiah Menyertai Qadiani	121
2. Sumber-sumber Kepercayaan Qadiani	123
3. Konsep-konsep Kepercayaan Dalam Ajaran Qadiani	136
B. Konsep Jihad Dalam Ajaran Qadiani	171
1. Pengertian Jihad	172
Kesimpulan	174

BAB 4**AJARAN QADIANI : SATU ANALISA**

Pendahuluan	176
A. Keimanan Kepada Allah	177
1. <i>Tanāsukh al-Arwāḥ</i>	178
2. Konsep <i>Wahdat al-Wujūd</i>	181
B. Keimanan Kepada Nabi Dan Rasul	181
1. Akidah <i>Khātam al-Nabiyin</i>	185
C. Beriman Dengan Kitab	200
1. Wahyu dari sudut bahasa	201
2. Wahyu dari istilah syara	202
3. Cara-cara Wahyu Diturunkan	203

4.	Perbezaan Wahyu Dengan Kasyaf	205
D.	Imam Mahdi Akhir Zaman	208
1.	Ciri-ciri Imam Mahdi Menurut Hadis	208
2.	Penolakan Faktor Alam Sebagai Bukti Kebenaran Mirza	213
E.	Perutusan Kembali Nabi Isa bin Maryam	215
1.	Nabi Isa DiAngkat Ke Langit	216
2.	Nabi Isa Diturunkan Di Akhir Zaman	220
3.	Nabi Isa, Imam Mahdi : Dua Peribadi	225
F.	Jihad Fisabilillah; Teras Kedaulatan Ummah	226
1.	Pengertian Jihad	227
2.	Hukum Jihad	228
3.	Peringkat-peringkat Jihad	231
4.	Jihad Qital - Kemuncak Jihad Fi sabililah	235
5.	Jihad Hawa Nafsu, Jihad Besar : Satu Analisa	238
	Kesimpulan	241

BAB 5

KESIMPULAN DAN SARANAN

A.	Kesimpulan	245
B.	Saranan	253
	BIBLIOGRAFI	267
	LAMPIRAN	

BAB PENDAHULUAN

Pendahuluan

Kajian ini adalah berkaitan dengan aliran-aliran kepercayaan di Malaysia. Tumpuan utama ialah mengenai ajaran Qadiani yang merupakan salah satu daripada aliran kepercayaan di Malaysia. Pemilihan subjek ini berdasarkan perkembangan terkini ajaran Qadiani yang masih bergiat cergas dan telah menimbulkan tanda tanya dikalangan masyarakat Islam tentang kedudukannya. Perbahasan merangkumi latarbelakang perkembangan ajaran Qadiani serta perkara-perkara pokok yang mendasari ajaran tersebut. Seterusnya satu analisa dibuat berdasarkan perspektif Islam bagi menentukan kesahihan ajaran ini.

Kajian ini dimulakan dengan bab pendahuluan, disusuli lima bab berikutnya meliputi; (Bab 1) Huraian tentang latarbelakang masalah merangkumi Malaysia, sejarah kemasukan Islam di Malaysia dan perkembangannya, serta bentuk-bentuk aliran kepercayaan yang terdapat di Malaysia. (Bab 2); Sejarah penubuhan Qadiani serta latarbelakang pengasas, perkembangan ajaran Qadiani di Malaysia dengan mengambil beberapa negeri sebagai contoh serta mengemukakan faktor-faktor ajaran ini diterima di Malaysia. (Bab 3); Memperincikan perkara-perkara pokok dalam ajaran Qadiani merangkumi beberapa konsep yang diperkenalkan pengasasnya. (Bab 4); Analisa terhadap ajaran Qadiani dari pandangan

Islam bagi memastikan kedudukan ajaran tersebut. (Bab 5); Kesimpulan yang dapat dinyatakan berdasarkan kajian di dalam bab-bab terdahulu serta saranan-saranan sebagai cadangan kepada pihak-pihak bertanggungjawab.

A. Tujuan Penyelidikan

Penulis memilih dan membuat kajian mengenai tajuk ini berdasarkan kepada beberapa tujuan berikut:

- 1) Tujuan utama penyelidikan ini bertitik tolak dari pemasalahan yang timbul akibat perkembangan Qadiani di Malaysia. Antaranya;
 - a) Masyarakat Islam khususnya mula keliru tentang identiti sebenar pengikut Qadiani lantaran pengakuan mereka sebagai golongan Islam serta membudayakan cara hidup Islam walaupun telah difatwakan sebagai golongan yang terkeluar dari Islam.
 - b) Kehidupan golongan Qadiani yang agak terasing dari masyarakat Islam lain namun mereka masih mendapat keistimewaan sepetimana yang dinikmati oleh orang-orang Melayu yang rata-ratanya adalah Islam.
 - c) Kebimbangan masyarakat Islam berikutan keterlibatan golongan Qadiani dalam aktiviti-aktiviti penyembelihan sedangkan identiti sebenar mereka tidak diketahui umum.

- 2) Lanjutan dari tujuan utama penyelidikan ini, melahirkan beberapa tujuan susulan seperti berikut;
- a) Menyingkap latarbelakang kelahiran dan perkembangan ajaran Qadiani serta pengasasnya.
 - b) Mengetahui dengan terperinci beberapa ajaran Qadiani yang diamalkan dengan melihat kepada kandungan ajaran-ajaran tersebut.
 - c) Bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan tersebar luasnya ajaran Qadiani.
 - d) Membuat penilaian terhadap kandungan ajaran Qadiani dari perspektif Islam bagi menentukan kedudukan ajaran tersebut.
- 3) Mengenalpasti bentuk-bentuk aliran kepercayaan yang terdapat di Malaysia.

B. Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada 2 skop iaitu pertama; perkembangan Qadiani merangkumi sejarah kemunculan, riwayat hidup pengasasnya serta perkembangan Qadiani di Malaysia. Memandangkan Malaysia luas skopnya, tumpuan hanya diberikan kepada beberapa negeri sebagai contoh. Antaranya menumpukan kajian kepada pusat gerakan Qadiani Malaysia di Baitussalam, Kg Nakhoda, Sabah sebagai negeri yang

mempunyai bilangan pengikut Qadiani paling ramai, serta dua kajian kes terhadap pengikut Qadiani yang pernah didakwa oleh Mahkamah Syariah negeri iaitu di Kedah dan Wilayah Persekutuan.

Manakala skop kedua ialah perkara-perkara pokok dalam ajaran Qadiani yang menjadi pegangan pengikut-pengikutnya sebagaimana yang dianjurkan oleh pengasas ajaran tersebut. Akhir sekali, analisa akan dibuat terhadap ajaran Qadiani dari perspektif Islam bagi menentukan kedudukan ajaran tersebut.

C. Hipotesis Kajian

1. Ajaran Qadiani masih disebarluas oleh pengikut-pengikutnya walaupun dalam keadaan yang terhad selepas difatwakan.
2. Ajaran Qadiani mendapat sambutan dikalangan mereka yang tidak mempunyai latarbelakang Islam yang kukuh.
3. Terdapat unsur-unsur penyelewengan di dalam ajaran Qadiani yang bertentangan dengan akidah Islam.

D. Kajian-kajian Lepas

Setakat kajian yang telah dilakukan, telah wujud beberapa bentuk penulisan dan kajian terdahulu membincangkan tentang ajaran Qadiani. Sebahagian besarnya menjurus kepada sejarah kemunculan Qadiani serta latarbelakang pengasasnya. Juga penumpuan turut diberikan terhadap

bentuk-bentuk ajaran tersebut terutamanya yang menyentuh masalah khatam al-Nabiyyin. Antara buku-buku yang banyak membantu penulisan disertasi ini ialah *al-Qādiyaniyyat Dirāsāt wa Tahlīl*, karangan Ihsān Ilahī Zōhir, (1977), *Mā Hia al-Qādiyaniyyat*, karangan al-Maudūdi, Abū al-A‘lā, (1969), *al-Qādiyani wa al-Qādiyaniyyat*, karangan al-Nadawī, Abū al-Hassan ‘Ali al-Ḥusayni, (1983), *al-Qawl al-Haq fī al-Bābiyyat wa al-Baha’iyat wa al-Qādiyaniyyat wa al-Mahdiyyat*, karangan al-Toyr, Muṣṭafā Muhammad al-Ḥadidī, (1986).

Terdapat juga beberapa penulisan yang melihat ajaran Qadiani dari sudut yang berbeza. Antaranya melihat perbandingan konsep Mahdi dalam ajaran Qadiani dan Syiah seperti buku *Faham Mahdi Syiah Dan Ahmadiyah Dalam Perspektif*, 1994 karangan Muslin Fathoni (Drs.). Begitu juga terdapat pengkajian khusus tentang pendekatan Qadiani dalam menyebarluaskan ajaran mereka iaitu penulisan tesis oleh Tony Poon - Chiang (Dr.) bertajuk *A Case Study Of The Missionary Stance Of The Ahmadiyya Movement In North America* (1973).

Namun begitu tidak terdapat sebarang penulisan yang mengkaji secara khusus tentang ajaran Qadiani di Malaysia kecuali risalah-risalah kecil keluaran JAKIM yang agak terhad skop kajiannya. Justeru, kajian ini memberi penekanan terhadap ajaran Qadiani yang bertapak di Malaysia serta bentuk-bentuk ajaran tersebut. Disamping itu juga turut dibuat

perbandingan dengan Islam sebagai satu pembuktian terhadap kesahihan ajaran tersebut.

E. Metodologi Penyelidikan

1. Metod Pengumpulan Data

Melalui metod pengumpulan data, penulis telah melakukan dua bentuk kajian iaitu;

a. Kajian Perpustakaan

Penulis menggunakan Metod Dokumentasi dengan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan dengan persoalan perbincangan. Data-data tersebut diperolehi daripada buku-buku, fail, risalah, majalah, keratan akhbar dan ensaiklopedia sama ada dalam bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Malaysia. Kebanyakan dokumen diperolehi dari perpustakaan-perpustakaan, Baitussalam (Pusat Gerakan Jemaat Ahmadiyah Malaysia), Bahagian Penyelidikan JAKIM serta jabatan-jabatan berkenaan. Metod ini digunakan bagi mendapatkan data-data mengenai latarbelakang masalah tajuk, sejarah Qadiani serta perkembangannya, latarbelakang pengasas serta bentuk-bentuk ajaran. Selain daripada itu, data-data perbandingan dengan ajaran Islam turut diambil dari bahan bacaan tersebut.

b. Kajian Lapangan

Penulis telah mengadakan wawancara dengan beberapa responden yang dapat memberi data mengenai objek-objek penelitian. Antaranya bagi mendapatkan data-data seperti sejarah kemasukan Qadiani ke Malaysia, kegiatan-kegiatan Qadiani serta perkembangannya, bentuk-bentuk ajaran dan langkah-langkah menangani perkembangan tersebut. Wawancara yang dijalankan adalah secara tidak langsung. Responden dipilih dari pelbagai peringkat berdasarkan beberapa keperluan. Antaranya pengikut Qadiani yang terdiri dari mubaligh-mubaligh serta wakil dari generasi lama yang masih berpegang kepada ajaran Qadiani. Turut diwawancara pegawai-pegawai dari Majlis Agama Islam negeri-negeri berkenaan serta pegawai-pegawai dari cawangan khas IPK Alor Setar.

Disamping itu juga, penulis turut menggunakan metod observasi untuk melengkapkan data-data yang diperolehi melalui penggunaan metod-metod yang lain. Semasa wawancara penulis melakukan penelitian dari segi percakapan, mimik muka serta reaksi responden bagi memastikan maklumat adalah betul.

2. Metod Analisa Data

Setelah segala data yang diperlukan terkumpul melalui metod-metod yang dinyatakan, penulis mula mengolah dan menganalisa data-data tersebut.